



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (29)

Tarikh : 3 Jun 2016

**Ketua Pengarang,
New Straits Times**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR NEW STRAITS TIMES BERTAJUK "CITIZENSHIP WOES FOR A HOME-GROWN CYCLING TALENT" BERTARIKH 3 JUN 2016, JUMAAT – M.S: 23 (PRIME NEWS)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Hasni binti Samsuddin berkaitan kegagalan permohonan kewarganegaraan anak beliau.

3. Hasil semakan mendapati Puan Hasni binti Samsuddin telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan bagi anak beliau, Mohammad Justin Felix Nagel pada 8 Januari 2015. Untuk makluman, permohonan tersebut masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi pertimbangan dan keputusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dimaklumkan kepada pemohon secara bersurat berdasarkan alamat yang telah dikemukakan semasa permohonan dibuat.

4. Ingin dijelaskan bahawa pemberian taraf kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia. Walaupun pemohon mempunyai kelayakan dan memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan namun penganugerahan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara Kerajaan Malaysia serta tidak layak untuk dipersoalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.: 1. YBr. Tuan KPPN

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005
CERT. NO.: AR 4763